



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JLD.5(14)
Tarikh : 10 Mei 2023
Bersamaan : 19 Syawal 1444H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 11 TAHUN 2023

PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang perubahan kadar jamuan, kadar hadiah penghargaan dan sijil penghargaan dalam peraturan mengenai perbelanjaan untuk meraikan pegawai perkhidmatan awam yang bersara.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2012 – Peraturan Mengenai Perbelanjaan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam yang Bersara yang dikuatkuasakan pada 12 Jun 2012 telah menyatakan seperti berikut:

a. Jamuan;

Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM30 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.

b. Cenderamata; dan

Pegawai yang bersara boleh diberikan cenderamata yang sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400 seorang di peringkat universiti.

c. Sijil Penghargaan.

Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan.

2.2 Walaubagaimanapun, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan pekeliling baharu melalui WP (bidang Pengurusan Wang Awam) iaitu WP5.2- Peraturan Untuk Meraikan Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Bersara yang berkuatkuasa 1 Januari 2023 yang melibatkan pindaan pada kadar jamuan, kadar hadiah penghargaan dan juga sijil penghargaan.

2.3 Penetapan kadar ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Kali Ke-66 Bil. 2 Tahun 2023 pada 13 April 2023; dan
- b. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-61 Bil. 2 Tahun 2023 pada 16 April 2023.

3. PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA DI UMT

Peraturan mengenai perbelanaan untuk meraikan pegawai perkhidmatan awam yang bersara di UMT adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2012 adalah dibatalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 01 Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
5. Fail



**PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK
MERAIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM
YANG BERSARA DI UMT**

**PERATURAN MENGENAI PERBELANJAAN UNTUK MERAIKAN PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM YANG BERSARA DI UMT**

1. Perbelanjaan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada perkara berikut :
 - a. Jamuan
Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM60 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.
 - b. Cenderamata
Pegawai yang bersara boleh diberikan cenderamata yang sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM600 seorang di peringkat universiti.
 - c. Sijil Penghargaan
Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) cerai PP 1.2.10.

2. Syarat-syarat perbelanjaan adalah sepertimana berikut :
 - a. pegawai yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;
 - b. bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun;
 - c. bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambilkira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;

- d. majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali setahun sahaja. Setakat mana yang boleh, majlis hendaklah diadakan di peringkat Universiti yang meliputi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ);
 - e. pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Universiti atau PTJ;
 - f. majlis hendaklah seboleh-bolehnya diadakan di perkarangan atau dalam kawasan Universiti atau PTJ masing-masing;
 - g. majlis seboleh-bolehnya hendaklah diadakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan sekiranya pegawai berpindah ke tempat lain selepas bersara.
3. Lain-lain peraturan :
- a. PTJ yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti Kelab Kebajikan dan Sukan atau sumbangan daripada pegawai lain.
 - b. Ketua PTJ hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh PTJ masing-masing.